

Sumbangan eksport koko dijangka menurun

KUALA LUMPUR 8 Jan. – Lembaga Koko Malaysia (LKM) menjangka sumbangan eksport industri biji koko dan produk-produk koko melebihi RM3 bilion tahun ini berikutan permintaan yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainuddin berkata, jumlah yang disasarkan itu sedikit rendah jika dibandingkan dengan sumbangan tahun lalu iaitu sekitar RM3.35 bilion.

Bagaimanapun katanya, dengan kenaikan harga purata biji koko yang mencecah RM10,000 setan, LKM yakin sasaran yang ditetapkan itu mampu dicapai.

“Kerajaan menerusi LKM sedang menggiatkan usaha untuk menanam lebih banyak koko di negara ini dengan sasaran untuk memiliki sekurang-kurangnya 45,00 hektar tanah yang ditanam koko menjelang tahun 2020,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Malaysia Cocoa Fair 2010, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi LKM, Tan Sri Abi Musa Asaari Mohamed Nor dan Ketua Pengarah LKM, Datuk Dr. Azhar Ismail.

Menurut Hamzah, bagi menggalakkan pe-

nanaman koko di negara ini kerajaan telah menyediakan Program Pemulihan Penanaman Koko di mana setiap penanam diberi insentif bernilai RM6,500 sehektar untuk tempoh lima tahun.

Katanya, insentif yang diberikan itu adalah dalam bentuk barangan seperti benih, baja dan lain-lain bagi menggalakkan penanam menanam komoditi itu.

Ujarnya, Malaysia merupakan antara pengeluar terbesar koko di dunia di mana tahun lalu negara berada di tangga ke-12 negara-negara pengeluar koko utama.

Bagi kawasan Asia, Malaysia merupakan pengeluar nombor satu koko yang dikisar dan berada di tangga keempat dunia.

Berikutan kurangnya kawasan penanaman koko di negara ketika ini, Malaysia telah menjadi antara pengimport biji koko

dari Indonesia, Ghana serta Ivory Coast dan ia amat merugikan kerana aliran mata wang telah keluar yang tinggi.

“Inilah masalah yang kita hadapi sekarang, jika 15 tahun lalu Malaysia mempunyai 400,000 hektar tanah yang ditanam koko dan berkurangan sehingga 25,000 hektar pada tahun lalu akibat para penanam beralih kepada kelapa sawit,” katanya.



HAMZAH ZAINUDDIN



PENGARAH Urusan Dazzle Food, Noor Dina bersama produk coklat keluaran syarikatnya pada majlis pelancaran Malaysia Cocoa Fair di Kuala Lumpur, semalam.